



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 31 JANUARI 2025 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• AIMING TO IMPROVE SERVICE WITH TRANSFER OF DEPT HEADS
2.	SELANGORKINI	• LOKASI BAHARU HARI TANPA KENDERAAN • SEDIA KUPON JUADAH PERAYAAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBDK	• TUMPU AGENDA KELESTARIAN BANDAR
2.	THE STAR	MBDK MBPJ	• SHODDY WORKS MAR KLANG PARK UPGRADE • MBPJ TAKES ACTION AGAINST EATERIES SETTING UP TABLES, CHAIRS ILLEGALLY
3.	SINAR HARIAN	DBKL MBSA	• SPRM DAPATKAN MAKLUM BALAS DBKL KES RM4 JUTA • BELUM DAPAT KELULUSAN BEROPERASI – MBSA
4.	BERITA HARIAN	DBKL	• SPRM HUBUNGI DBKL DAKWAAN RASUAH AHLI LEMBAGA PENASIHAT
5.	UTUSAN MALAYSIA	DBKL	• SPRM DAPATKAN MAKLUM BALAS DBKL DAKWAAN SALAH LAKU PROJEK RM4 JUTA

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• KADAR INFLASI KEKAL RENDAH KENAIKAN GAJI PACU KUASA BELI PENGGUNA
2.	THE STAR	• SELANGOR DID PLEDGES TO CLEAN, REPAIR BATU CAVES MONSOON DRAIN NEXT MONTH
3.	SINAR HARIAN	• SPRM GUNA AI SIASAT JENAYAH RASUAH • LATIH PAKAR PERKHIDMATAN AWAM
4.	BERITA HARIAN	• INTEGRASI TEKNOLOGI TINGKAT KECEKAPAN DALAM TADBIR URUS • WAKTU BEKERJA BERLAINAN BUKAN CADANGAN PTD • SELANGOR DIGESA SEDIA JALAN ALTERNATIF LORI KUARI GUNA LALUAN TEROWONG • TOURISM MALAYSIA PERGIAT PROMOSI PELANCONGAN DI ASEAN
5.	UTUSAN MALAYSIA	• KECANGGIHAN TEKNOLOGI AI, RANTAIAN BLOK BANTU BANTERAS JENAYAH RASUAH

Aiming to improve service with transfer of dept heads

By JADE CHAN



TWO heads of department at Subang Jaya City Council (MBSJ) will be transferred to two other city councils in the Klang Valley, marking the start of a mutual transfer programme by the Selangor government.

MBSJ Treasury director Mohd Fadzil Mahat will move to Shah Alam City Council (MBSA), while MBSJ Building Department director Nor Azmi Mohd Rosli will head to Petaling Jaya City Council.

Affandi Jaafar from MBSA and Haslinda Mohd Rantam from Klang Royal City Council will take on the posts vacated by Mohd Fadzil and Nor Azmi respectively.

The incoming individuals are also directors of similar departments at their respective councils.

Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim said the Cross Fertilisation Programme (PCF) was a state directive, with the first phase taking place across Selangor's four city councils.

He said other department heads would be transferred in coming months while the second phase would involve municipalities.

"This practice is for sharing knowledge and best practices as well as for the directors to gain experience at their new posts."

Amirul Azizan said the transfer duration would comprise one mandatory year and one optional year, with the extension to be decided by the state government.

"The transfer date (for Mohd Fadzil and Nor Azmi) is effective Feb 3, 2025," he said, after chairing the MBSJ full board meeting at the city council headquarters in USJ5, Subang Jaya.

A Public Services Department circular states that the PCF was aimed at exposing officers to new knowledge, skills and work culture through placements in other organisations, and to be adapted when they return to their original agency.

On the status of the Pasar Awam SK10 (SK10 Public Market) project in Seri Kembangan, Amirul Azizan said the competition to redesign the market attracted over 80 submissions with 10 designs being shortlisted and the winner to be chosen by mid-February.

As for the construction, he hoped it would start by June and completed in two to three years' time.

He added that the Housing and Local Government Ministry had granted MBSJ an RM12.5mil allocation for the project.

It was previously reported that the proposed two-storey market occupying a 0.267ha site will have modern facilities and designed to meet green building standards.

The SK10 Public Market is a morning market located at Jalan Pasar in Kampung Baru Seri Kembangan. Its traders were relocated to a temporary site at Jalan SK 6/1 to allow the old market to be demolished and new premises built.

THE STAR ONLINE
TARIKH: 31 JANUARI 2025

Lokasi baharu hari tanpa kenderaan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menganjurkan empat edisi program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) di lokasi baharu pada 8 Februari di Taman Tasik Serdang.

Menurut Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategiknya, program tersebut antara usaha bagi menjayakan hasrat Subang Jaya sebagai bandar raya rendah karbon.

"Taman Sri Serdang antara demografi populasi pelbagai kaum yang mempunyai kepadatan penduduk yang se-

derhana, dilengkapi infrastruktur jalan raya yang baik.

"Kawasan persekitaran kondusif sesuai dengan penganjuran Hari Tanpa Kenderaan MBSJ serta pernah diangkat sebagai Bandar Biomas pertama di Selangor," kata kenyataan pada 21 Januari.

Tiga lagi lokasi baharu HTKSJ ialah South City Plaza, Seri Kembangan pada 12 Mei diikuti pusat beli-belah Giant Bandar Kinrara, Kinrara (10 Ogos) dan ibu pejabat MBSJ (26 Oktober).

HTKSJ diperkenal pada 2022 dan di-

adakan setiap bulan di Jalan Kemajuan Subang, SS16. Bermula tahun lalu program tersebut diubah kepada empat kali setahun dan diteruskan lagi tahun ini.

Kali ini, MBSJ merancang lebih 20 acara yang dibahagi kepada lima segmen iaitu santai, pertandingan, demonstrasi, reruai dan komuniti berdaya untuk semua lapisan masyarakat.

Sempena penganjuran itu, MBSJ mengadakan Majlis Perasmian Medan Selera Tasik Sri Serdang.

Sedia kupon juadah perayaan

SHAH ALAM - Pengunjung terawal sambutan Tahun Baru Cina Majlis Bandaraya Subang Jaya pada 15 Februari berpeluang menerima kupon makan RM10 untuk menikmati juadah di kendera saji.

Program di Jalan SK 6/1, Seri Kemangan jam 7.45 hingga 10.30 malam itu bakal disempurnakan Datuk Bandar Dato' Amirul Azizan Abd Rahim dan wakil rakyat Seri Kemangan Wong Siew Ki.

"MBSJ akan turut menyampaikan sumbangan serta pemberian angpau kepada warga emas dan komuniti B40 serta hadiah cabutan istimewa buat pengunjung yang bertuah.

"Tetamu akan dihiburkan dengan pelbagai persembahan dan tarian seni budaya serta persembahan tarian singa," menurut kenyataan Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik pada 22 Januari.

Tumpu agenda kelestarian bandar

SHAH ALAM - Genap setahun pengisytiharan, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) memberi tumpuan kepada agenda kelestarian bandar pada tahun ini sekali gus menjadi bandar lebih maju.

Datuk Bandar Dato' Abd Hamid Husain menjelaskan MBDK mahu mem-

buktikan pihaknya tidak mengejar pencapaian hasil ekonomi semata-mata sebaliknya menekankan aspek alam sekitar.

"MBDK menetapkan visi sebagai bandar raya diraja sejahtera, berdaya maju dan mampan serta memberi memberi tumpuan kepada agenda ke-

lestarian bandar.

"Kerjasama berpasukan menjadi kekuatan dalam mendepani isu perbandaran dan tuntutan kerja yang berpegang teguh pada integriti dan tanggungjawab," katanya dalam perhimpunan bulanan pada 24 Januari lalu.

Kadar inflasi kekal rendah

Kenaikan gaji pacu kuasa beli pengguna

SHAH ALAM - Peningkatan gaji minimum dan upah penjawat awam memacu kuasa beli pengguna sekali gus menambah kesan pengganda dan merangsang pertumbuhan ekonomi, kata pensyarah kanan ekonomi.

Dr Elya Nabila Abdul Bahri juga yakin struktur gaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) mengambil kira kadar inflasi dan kenaikan kos sara hidup dengan keadaan ekonomi semasa, lapor Bernama.

Katanya, kenaikan gaji bukan satu-satunya faktor inflasi tetapi juga akibat gangguan rantaian bekalan, peningkatan kos pengeluaran yang memacu peralihan kos kepada harga barangan akhir.

"Sehubungan itu, kerajaan perlu mengawal peningkatan harga barang di setiap rantaian bekalan, dan bukan hanya kawalan harga pada barangan akhir," katanya.

Beliau yang bertugas di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya, berkata angka inflasi di Malaysia lebih rendah berbanding sebahagian negara Asean lain.

Pada akhir 2024, kadar di Malaysia sekitar 1.8 peratus, lebih rendah berbanding berbanding Laos (18.32 peratus), Vietnam (2.94 peratus) dan Filipina (2.9 peratus).

Dr Elya Nabila berkata harga barangan mentah tinggi meski ekonomi

global pulih selepas pandemik ekoran kebergantungan kepada import bahan mentah dan ketidaktentuan kadar pertukaran.


Melalui SSPA, gaji minimum dinaik daripada RM1,500 kepada RM1,700 berkuat kuasa 1 Februari.

Pegawai kumpulan pelaksana, pengurusan dan profesional menerima pelarasan berperingkat 15 peratus, lapan peratus dalam fasa satu dan tujuh peratus dalam fasa dua mulai Januari 2026.

Kumpulan pengurusan tertinggi menerima pelarasan gaji empat peratus dalam fasa satu dan tiga peratus (fasa dua). Kali terakhir gaji perkhidmatan awam disemak 12 tahun lalu.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 31 JANUARI 2025



Solar lights on concrete benches are damaged and need replacement.



Sivam (left) and Devadass pointing at the uneven pavers. — Photos: RAJA FAISAL HISHAN/ The Star

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

VISITORS to the newly upgraded Dataran Klang@Padang Chetty have complained about shoddy workmanship as the concrete pavers are wobbling when stepped on.

A regular user of the park, Mei Lee, 68, said some people had lost their balance while walking and jogging there and sustained minor injuries.

The former school teacher said she resumed walking at the park after construction works ended recently.

"I come here to exercise but the walk path with concrete pavers and interlocking bricks are loose and lopsided due to poor workmanship," she said.

Mei Lee said after witnessing the dangers posed, she had avoided using the park.

Shoddy works mar Klang park upgrade

Several mishaps, injuries reported at Dataran Klang@Padang Chetty since it reopened

Another parkgoer, Sivam Nadasen, 63, said he began using the park since it reopened, but found it disappointing with the uneven pavers and interlocking bricks.

"Last week, a youth had a nasty fall while running on the yellow concrete pavers which are uneven and wobbly.

"Rainwater also collects under the pavers and water splashes out when people step on it," he said.

Klang Consumer Association president A. Devadass said Klang Royal City Council (MBDK) has failed to monitor the works effectively, putting park users at risk.

He called on MBDK's Landscape Department to retain the contractor's deposit until the defects are remedied.

He added that MBDK also needed to address soggy ground issues and replace the damaged solar lights affixed to concrete benches.

Devadass said for the safety of

all park users, Dataran Klang@Padang Chetty should be closed until repairs are carried out.

The 1.34ha park next to the 151-year-old Sri Nagara Thendayuthapani temple, underwent upgrading work from last September to Jan 15.

It was supposed to have been completed on Nov 18 but faced delays.

The park's transformation was made possible through RM500,000 in funds from the National Landscape Department.

An MBDK spokesperson said the council was taking the matter seriously and would inspect the park.

"Despite the project completion, there is a defect liability period.

"We will call the contractor to make good as per the contract," said the officer.

THE STAR

31 JAN 2025

Tarikh:.....

Star 31/1 (MBPJ)

MBPJ takes action against eateries setting up tables, chairs illegally



One of the three restaurants in Petaling Jaya that was found to be obstructing pavements and parking bays.

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

THREE restaurants in Petaling Jaya, Selangor, were found to have placed tables, chairs and other equipment illegally on pavements and public parking bays.

The restaurants are located at Jalan SS2/24, Jalan 21/1 and Jalan 20/14.

This was discovered during seven joint operations during Petaling Jay City Council (MBPJ) this year, together with immigration and police.

A total of 77 business premises were inspected, during which 143 foreigners were apprehended, 11 compounds issued and 20 premises closed, while 50

seizures were carried out.

Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon told *StarMetro* that the operations were mainly in response to complaints about foreigners suspected of operating businesses illegally.

"On Jan 24, I accompanied MBPJ enforcement officers to three restaurants that had been issued numerous compounds.

"The restaurant operators had been invited to MBPJ for a briefing but they failed to show up."

Collectively, the three restaurants had 89 compounds.

"One of the restaurant's had not renewed its 2025 business licence.

"It had a temporary licence but had not paid the RM330 licence fee," he said.

During one operation, cooking equipment was also spotted obstructing pavements, he said.

In an unrelated matter, Mohamad Zahri said there were 1,970 vacant lots at 23 night markets in the city.

"I urge youths and locals who are interested to start a business to visit MBPJ's Licensing Department to learn more about the available opportunities as we also have programmes to train entrepreneurs.

"We can explain all the procedures, rules and regulations too.

"Our aim is to assist the public to set up legal business and adhere to guidelines, especially on food handling.

"We want businesses to comply with food safety standards."

THE STAR

Tarikh:..3.1..JAN.2025....

Selangor DID pledges to clean, repair Batu Caves monsoon drain next month

REPAIRS and cleaning of the monsoon drain along Jalan Pinggiran 3/4, Taman Pinggiran Batu Caves, Selangor, will start in mid-February.

In a statement to *StarMetro*, Selangor Drainage and Irrigation Department (DID) said the repair and cleaning works would be a one-off operation this year.

"DID will apply for a budget to maintain the monsoon drain regularly starting next year," it said.

In a *StarMetro* article titled

"Batu Caves residents struggle with flash floods" on Jan 4, it was reported that landslides had damaged the wall of the monsoon drain.

This led to frequent flash floods in the area as the debris clogging the drain caused water to backflow into the perimeter drains outside the nearby houses.

From October to December last year, floods affected houses in the area six times, according to a resident there.

The resident also said 13

houses along Jalan Pinggiran 3/3, the street adjacent to Jalan Pinggiran 3/4, were built about 0.6m lower than the monsoon drain and road, making them more prone to flooding.

StarMetro visited the site on Jan 21 and found the monsoon drain still clogged and choked with vegetation.

A Selayang Municipal Council (MPS) spokesperson said it was aware of the issue and would inspect the site. — By LEW GUAN XI



The monsoon drain along Jalan Pinggiran 3/4 is still clogged and choked with vegetation.

THE STAR

Tarih: 31 JAN 2025

SPRM dapatkan maklum balas DBKL kes RM4 juta

SH 3/1

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mendapatkan maklum balas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Jumaat, berhubung dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihatnya berkaitan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, siasatan dalam-an berhubung perkara tersebut sedang dilakukan DBKL.

"Kita tunggu dan lihat apa hasil siasatan yang dijalankan.

"Esok (Jumaat) pegawai saya akan hubungi Unit Integriti DBKL. Jika wujud elemen jenayah iaitu salah guna kuasa dan rasuah kita akan jalankan siasatan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Tambah Ahmad Khusairi, buat masa ini SPRM memberi masa kepada DBKL

untuk jalankan siasatan dalaman.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki bahawa SPRM bersedia menyiasat sekiranya dapatan siasatan dalaman DBKL menunjukkan ada unsur-unsur rasuah dan salah guna kuasa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif dilaporkan berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan unit integriti DBKL berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif bernilai RM4 juta yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Dimaklumkan, DBKL juga masih mengumpul maklumat dan bukti berhubung perkara itu sebelum memutuskan tindakan seterusnya termasuk membuat laporan kepada SPRM.

Turut tular di media sosial individu tersebut juga didakwa memegang jawatan dalam syarikat terbabit.

SINAR HARIAN

Tarikh: **31 JAN 2025**

Belum dapat kelulusan beroperasi - MBSA

SH
31/1

Permainan gelongsor air kaca di i-City diminta henti operasi

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
SHAH ALAM

Permainan gelongsor air kaca di i-City yang tular apabila pelampung tiba-tiba terjatuh dan menimpa pengunjung baru-baru ini masih belum mendapat kelulusan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk beroperasi.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Mohd Azhar Mohd Sharif memaklumkan, pihaknya telah mengeluarkan notis supaya dihentikan ketika masih dalam tempoh pembinaan, namun ia tidak dipatuhi.

Menurutnya, susulan itu, pihak berkuasa tempatan berkenaan telah mengeluarkan kompaun terhadap pihak i-City pada 14 November 2024.

"Permainan ini belum dapat kelulusan untuk beroperasi. Mereka (i-City) perlu menghantar permohonan kebenaran merancang dan permit sementara.

"Pihak i-City telah dikompaun kerana tidak membuat permohonan kelulusan sebelum beroperasi. Ada notis untuk henti ketika pembinaan tetapi tidak patuh, jadi MBSA telah

pelampung jatuh dr ats kena kakak sian nangis cakap sakit



Tangkap layar video tular yang memaparkan pelampung terjatuh dari gelongsor air kaca di Menara SkyCity, i-City.

keluarkan kompaun.

"Tindakan notis henti kerja dan kompaun telah dikeluarkan. Permainan ini akan diminta untuk menghentikan operasi," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai insiden pelampung permainan gelongsor air kaca setinggi 60 meter (m) dan sepanjang 600m di Menara SkyCity, i-City yang 'di-

percai jatuh dan menimpa pengunjung.

Difahamkan, pelampung itu sedang dihantar dari bawah ke atas sebelum ia tiba-tiba jatuh.

Menerusi video berdurasi 15 saat itu turut memaparkan mangsa menangis dan mengadu kesakitan selepas ditimpa pelampung terbabit.

Perkara itu telah mencetuskan kebimbangan orang ramai dan mempersoalkan mengenai tahap keselamatan permainan di taman tema tersebut.



SPRM guna AI siasat jenayah rasuah

Blockchain rekod transaksi, AI kesan corak penipuan

PUTRAJAYA

AZAM



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengintegrasikan teknologi blok rantai (*blockchain*) dan kecerdasan buatan (AI) dalam operasi serta siasatan bagi memerangi taktik jenayah rasuah yang semakin berkembang.

Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki dalam kenyataan pada Khamis berkata, perkembangan teknologi dari semasa ke semasa turut membawa kepada cabaran baharu dalam menangani jenayah rasuah yang semakin kompleks.

Ia merangkumi jenayah siber, penipuan mata wang kripto dan penyalahgunaan AI yang menjadikan kegiatan jenayah semakin canggih, sukar dijejak serta sering bersifat transnasional.

"Kemajuan teknologi sebenarnya boleh dimanfaatkan (contohnya) dengan penggunaan AI termasuk penggunaan dari aspek analitik data serta teknologi *blockchain*."

"*Blockchain* membolehkan rekod transaksi yang tidak boleh diubah manakala penggunaan AI dapat mengesan corak penipuan dan ketidakteraturan kewangan,"

katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan sempena ucapatama Azam pada Persidangan Antarabangsa Ketiga Dalam Teknologi, Kemanusiaan dan Pengurusan (ICTHM) 2025 di Maldives.

Azam berkata, SPRM ketika ini telah melengkapkan pegawainya dengan alatan forensik yang canggih serta perisian data analitik yang pelbagai jenis termasuk menyediakan latihan khusus dalam bidang seperti kewangan, perakaunan, kejuruteraan serta teknologi.

Beliau berkata, Bahagian Perisikan, Bahagian Forensik Teknologi (BFT) dan Bahagian Analisa Kewangan (BAK) SPRM diletakkan berada di barisan hadapan dengan kelengkapan dan kepakaran terkini untuk menjalankan forensik digital serta siasatan kewangan.

"Malah, atas usaha ini, Makmal Forensik SPRM baru-baru ini menerima akreditasi ISO/IEC 17025:2017 yang mengesahkan pengiktirafan global terhadap kerja analisis forensik dalam bidang teknologi," katanya.

Beliau berkata, SPRM turut menyokong penggunaan platform digital seperti sistem e-perolehan yang mempromosikan ketelusan dalam perolehan awam dan per-

alihan kepada sistem tanpa tunai yang mengurangkan rasuah serta salah urus dana awam.

"Sistem seperti ini memastikan bahawa subsidi, kebajikan dan gaji dipindahkan terus kepada penerima manfaat tanpa perantara sekali gus mengurangkan peluang berlakunya rasuah," katanya.

Sementara itu, Azam berkata SPRM komited memantau sektor-sektor utama seperti penguatkuasaan undang-undang, perolehan awam dan rasuah besar (*Grand Corruption*) sebagai satu daripada agenda utama memerangi rasuah serta ketirisan.

Komitmen itu, sejajar dengan Strategi Pembantasan Rasuah Nasional (NACS) Malaysia yang bertujuan mengukuhkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti di pelbagai sektor.

"SPRM mengutamakan pembangunan berterusan pegawai dengan menghantar mereka ke program latihan khusus yang relevan untuk memperluas pengetahuan serta kemahiran mereka," katanya.

Beliau berkata, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut memainkan peranan penting dalam membentuk kepimpinan beretika serta memperkukuh usaha antirasuah melalui pendidikan dan kerjasama antarabangsa. - Bernama

SINAR HARIAN
31 JAN 2025

Tarikh:

Latih pakar perkhidmatan awam



MERENTAS
RUANG

SAIFUDDIN ABDULLAH

Antara faktor utama kejayaan dan kecemerlangan negara ialah kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam. Kita mempunyai perkhidmatan awam yang baik. Namun perlu ditambah baik kalau pun tidak di reformasi.

Ini kerana dua sebab. Pertama, seperti juga sektor lain, ia turut terkena tempas rasuah dan salah guna kuasa.

Yang kedua dan ini lebih penting, ia perlu dilonjakkan ke arah lebih bermakna dan berkepimpinan dalam satu kerangka kerajaan dan governans yang baharu.

Kerangka kerajaan dan governans meliputi beberapa ciri antaranya budaya politik baharu yang bersih dan segar, amalan demokrasi konsultatif dan deliberatif, kerjasama sebagai kongsi antara tiga sektor pembangunan utama

(kerajaan/politik, perniagaan dan masyarakat sivil), pembangunan dan ekonomi yang bermisi, kerajaan yang menjadi penentu hala tuju negara dan perkhidmatan awam profesional.

Perkhidmatan awam kita telah melalui beberapa siri transformasi. Contohnya menggunakan Model Birokrasi, Pengurusan Awam Baharu, Governans, Kerajaan Bersama, Nilai Awam dan Program Transformasi Kerajaan.

Tetapi pada hari ini, kita kurang mendengar apakah transformasi sedang dilaksanakan dan apakah falsafah atau modelnya?

Namun, saya mengalu-alukan beberapa aspek daripada Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang diumumkan, baru-baru ini, khususnya Pakar Bidang Khusus (PBK). Pelan PBK meliputi pengiktirafan kepakaran, kenaikan pangkat dan tujuh bidang tujuhan negara.

Ia berkait rapat soal perkhidmatan awam yang profesional. Ia membawa maksud kita akan mempunyai seangkatan PBK yang mampu merancang dan melaksanakan pembangunan serta ekonomi negara bermisi selain kurang ber-

gantung kepada konsultan luar yang tidak tentu pasal dan mahal.

Saya pernah bertemu konsultan luar yang digunakan kerajaan terdahulu. Ada yang bagus. Tetapi, tidak kurang juga yang hanya menghabiskan beras. Mereka bertanya soalan, kita menjawabnya. Selepas itu, mereka mencadangkan formula penyelesaian.

Tetapi, apa yang sebenarnya berlaku ialah umpama mereka meminjam jam kita dan selepas itu memberitahu kita sekarang pukul berapa. Jadi, mereka bukannya PBK tetapi bayaran kepada mereka amat tinggi.

Ini mesti dihentikan. Daripada berbelanja besar membayar konsultan yang datang dan pergi, adalah lebih baik berbelanja besar membangun PBK yang setia dalam perkhidmatan awam.

Ketika menjadi Menteri Luar, saya menyatakan bahawa cabaran semasa dan mendatang menuntut diplomasi memerlukan PKB. Beberapa inisiatif baru dimulakan contohnya, menambah tajaan/basiswa untuk melanjutkan pengajian, program *immersion* dan penubuhan kumpulan pakar dalam bidang tertentu.

Bagi PBK-SSPA, saya mencadang-

kan diwujudkan pelan tiga tahap yang sistematik:

- Tahap 1 (awal): Pegawai yang baru diambil diantar ke pelbagai kementerian/agensi seperti amalan sekarang.

- Tahap 2 (pertengahan): Pada tahap ini, bidang kepakaran seseorang pegawai (gred 48-54/JUSA C) telah dikenal pasti dan digilap. Beliau dihantar ke kementerian/agensi dalam kluster tertentu saja contohnya, ekonomi atau sosial.

- Tahap 3 (kepakaran): Pada tahap ini, seseorang pegawai (JUSA B-A/Turus) menjadi PBK. Beliau dilantik menjadi Ketua Setiausaha (KSU), ketua pengarah atau setara.

Ini supaya apabila seseorang menjadi KSU, beliau seorang PBK dan bukannya sekadar *generalist*. Barulah beliau benar-benar dapat memimpin kementerian atau agensi berkenaan dengan optimum ke arah kejayaan dan kecemerlangan yang berganda.

*Datuk Seri Saifuddin Abdullah ialah Ketua Portfolio Pendidikan PN dan Ahli Parlimen Indera Mahkota.

SINAR HARIAN

Tarikh: 31 JAN 2025

SPRM hubungi DBKL dakwaan rasuah ahli lembaga penasihat

Siasatan akan dilaksanakan jika wujud elemen salah guna kuasa

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
bhnews@bh.com.my (DBKL)

Kuala Lumpur: Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menghubungi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhubung dakwaan rasuah membabitkan salah laku salah seorang ahli lembaga penasihatnya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, siasatan dalam sedang dijalankan berhubung dakwaan pemberian projek berjumlah RM4 juta.

"Kita tunggu dan lihat apa hasil siasatan yang dijalankan. Esok (hari ini) pegawai saya akan hubungi Unit Integriti DBKL. Jika wujud elemen jenayah iaitu salah guna kuasa dan rasuah kita akan jalankan siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu media melaporkan, SPRM sedia membantu DBKL da-

DBKL siasat dakwaan ahli lembaga penasihat beri projek RM4 juta

Keratan akhbar
BH kelmarin.

lam siasatan terhadap dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat berkaitan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Dakwaan tular di media sosial

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, tiada siasatan dibuka oleh pihaknya berhubung dakwaan itu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, sebelum ini dilaporkan berkata,

pihaknya sedang bekerjasama rapat dengan unit integriti DBKL berhubung dakwaan itu.

Dakwaan salah laku membabitkan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial baru-baru ini.

Ia membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Menurut dakwaan di media sosial, ahli lembaga penasihat itu juga didakwa memegang jawatan dalam syarikat yang dianugerahkan projek berkenaan.

Maimunah berkata, DBKL masih mengumpul maklumat dan bukti mengenai perkara ini sebelum memutuskan langkah seterusnya, termasuk membuat laporan kepada SPRM.

“Esok (hari ini) pegawai saya akan hubungi Unit Integriti DBKL. Jika wujud elemen jenayah iaitu salah guna kuasa dan rasuah kita akan jalankan siasatan”



Ahmad Khusairi Yahaya,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM



BERITA HARIAN
Tarikh 31 JAN 2025



Azam bersama peserta pada ICTHM 2025 di Maldives, kelmarin.

(Foto ihsan SPRM)

Integrasi teknologi tingkat kecekapan dalam tadbir urus

BH 31/1

Platform digital kurangkan peluang rasuah, kebocoran dana awam

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Integrasi teknologi dalam tadbir urus memainkan peranan kritikal dalam meningkatkan ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti, selain meminimumkan rasuah serta ketidakcekapan birokrasi.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata platform digital, seperti e-perolehan membolehkan proses perolehan awam menjadi lebih telus, dengan menjadikan bidaan dan kontrak boleh diakses orang awam, manakala teknologi mengurangkan peluang untuk rasuah dan amalan pilih kasih.

"Selain itu, peralihan kepada sistem tanpa tunai dapat mengurangkan peluang untuk rasuah dan kebocoran dana awam, manakala kerajaan boleh memastikan subsidi, kebajikan dan gaji dipindahkan terus ke akaun penerima tanpa pembabit orang

tengah, sekali gus meningkatkan kecekapan dan mengurangkan risiko ketirisan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tama dan merasmikan Persidangan Antarabangsa Ketiga dalam Teknologi, Kemanusiaan dan Pengurusan (ICTHM) 2025 dengan tema 'Masa Depan Lestari: Mengurus Peralihan Digital-Manusia' di Maldives, kelmarin.

Yang turut hadir, Presiden Suruhanjaya Antirasuah (ACC) Maldives, Adam Shamil dan Pengerusi Zikura International College, Mohamed Waheed.

SPRM utama pembangunan berterusan pegawai

Azam berkata, seiring perkembangan pesat teknologi, segelintir pihak berkepentingan mengambil peluang dengan melihat ruang dan peluang baharu untuk rasuah, seperti jenayah siber, penipuan mata wang kripto dan penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan (AI), yang menyedai saluran untuk aktiviti haram lebih canggih, sukar dikesan dan sering kali bersifat rentas negara.

Seiring penggunaan teknologi, SPRM juga mengutamakan pembangunan berterusan pegawai, dengan menghantar mereka ke program latihan khusus dalam bidang seperti teknologi, kewangan, perakaunan, kejuruteraan dan disiplin lain yang relevan

bagi memperluas pengetahuan serta kemahiran mereka.

"Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), memainkan peranan penting dalam membentuk kepimpinan beretika dan memperkukuh usaha antirasuah melalui pendidikan dan kerjasama antarabangsa.

"MACA menjalinkan kerjasama erat dengan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom (UK) dan Enforcement, Leadership and Management University (ELMU) selaras dengan visinya untuk menjadi pusat kecemerlangan antirasuah terbaik di dunia," katanya.

Pada masa sama, Azam memaklumkan, kerjasama antara SPRM dan ACC Maldives yang dimulakan tahun lalu sudah pun mula membuahkan hasil positif bagi kedua-dua pihak.

Beliau berkata, beberapa sesi perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman juga diadakan, mencerminkan komitmen teguh SPRM dalam memerangi rasuah serta penyalahgunaan kuasa.

Sementara itu, ICTHM 2025 yang berlangsung dari 28 hingga 30 Januari, berperanan sebagai platform penting bagi ahli akademik, penyelidik dan pemimpin industri untuk terlibat dalam wacana serta berkongsi pandangan perintis dalam pelbagai bidang seperti teknologi, kemanusiaan dan pengurusan.

BERITA HARIAN

Tarikh..... **31 JAN 2025**.....

Waktu Bekerja Berlainan bukan cadangan PTD

CUEPACS gesa semua pihak tidak buat spekulasi, fokus cari penyelesaian

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

BH
31/1

Kuala Lumpur: CUEPACS menegaskan, tidak wajar pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) disalahkan dalam isu Waktu Bekerja Berlainan (WBB) kerana cadangan itu bukan berasal daripada mereka.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata sebaliknya, ia adalah cadangan daripada Jawatankuasa Penasihat dan Tindakan Perubatan (MAAC).

"PTD sebaliknya sentiasa memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan melaksanakan dasar dengan profesional

dan berintegriti demi kepentingan negara.

"Sehubungan itu, CUEPACS dengan tegas menyeru semua pihak supaya tidak lagi membuat spekulasi atau menyalahkan mana-mana pihak secara tidak adil.

"Semua tenaga harus difokuskan kepada usaha mencari penyelesaian terbaik demi kepentingan perkhidmatan awam dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan." katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, melalui podkas 'Keluar Sekejap', mengaitkan kegagalan sistem WBB bagi petugas kesihatan dengan jurang pemahaman dalam kalangan birokrat di Kementerian Kesihatan (KKM) terhadap realiti amalan perubatan.

Khairy dilaporkan mengkritik

proses membuat keputusan, sambil menegaskan bahawa ia dilaksanakan oleh penjawat awam yang tidak mempunyai pemahaman praktikal mengenai operasi hospital.

PPTD bidas tuduhan Khairy



Adnan Mat

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) turut membidas tuduhan Khairy bahawa PTD hanyalah 'sekumpulan yang melihat pada helaian Excel' tanpa memahami realiti yang berlaku dalam sektor kesihatan.

Pada masa sama, Adnan berkata, sebarang perubahan dalam sistem waktu be-

kerja mestilah dilaksanakan secara holistik.

Beliau berkata, ia termasuk dengan mengambil kira keseimbangan antara keperluan perkhidmatan, kebajikan pekerja dan keberkesanan penyampaian per-

khidmatan kepada rakyat.

"Keputusan Jemaah Menteri membatalkan projek WBB membuktikan kerajaan prihatin terhadap kebajikan petugas kesihatan dan memahami keperluan untuk melakukan kajian yang lebih menyeluruh sebelum melak-

sanakan sebarang perubahan besar dalam sistem waktu bekerja.

"Ia adalah langkah tepat bagi memastikan sebarang perubahan yang dibuat adalah berlandaskan kajian menyeluruh dan mengambil kira kepentingan dan kebajikan semua pihak," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS turut menyokong langkah KKM untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji penjadualan waktu kerja dan pemeriksaan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Katanya, jawatankuasa ini diharapkan akan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan, termasuk wakil kesatuan sekerja dan pekerja yang terdabit secara langsung dalam perkhidmatan kesihatan.

BERITA HARIAN

Tarikh... 31 JAN 2025



Lori yang menggunakan laluan di Terowong Matang Pagar ke Taman Impian Indah.
(Foto ihsan FB Datuk Dr Halim)

Selangor digesa sedia jalan alternatif lori kuari guna laluan terowong

Kuala Lumpur: Kerajaan Selangor wajar menyegerakan pembinaan laluan alternatif khas kepada lori kuari yang menggunakan laluan di Terowong Matang Pagar ke Taman Impian Indah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Datuk Dr Abdul Halim Tamuri, berkata penduduk sudah membuat aduan kepada pihak berkuasa berhubung terowong yang didakwa rosak semula akibat laluan itu digunakan oleh lori kuari dan lori yang mengangkat barang pembinaan selepas dibaiki oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Oktober lalu dengan kos hampir RM400,000.

"Bila laluan digunakan oleh lori, jalan rosak. Penduduk takut dan keadaan menjadi bahaya. Penduduk juga mengadu ada lori yang beroperasi sehingga lewat malam, iaitu pada jam 2 hingga 3 pagi.

"Penduduk berasa terganggu. Mengikut peraturan lori kuari boleh beroperasi bermula jam lapan pagi ke lima petang tetapi pada waktu subuh mereka sudah beroperasi," katanya ketika dihubungi BH.

Abdul Halim berkata, lori yang menggunakan laluan itu melebihi had muatan yang dibenarkan iaitu lapan tan.

"Lori tu ada yang berat tanpa muatan 21 tan, ada yang sehingga 52 tan. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ada buat pengawasan tetapi tenaga mereka terhad.

Takkan mereka mahu berada di sana sepanjang masa.

"Isu ini boleh diselesaikan dengan satu cara, iaitu menyegerakan laluan alternatif khas untuk lori kuari dan lori berat supaya tidak melalui kawasan kampung," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, memang ada cadangan yang diberikan kepada kerajaan negeri Selangor tetapi belum dilaksanakan.

"Saya tidak mahu apabila berlaku kemalangan jiwa baru mahu buat jalan. Kita tidak boleh menyekat pergerakan lori ini kerana orang memerlukan batu dan sebagainya. Jalan sedia ada memang tidak sesuai kerana sibuk dan digunakan oleh penduduk sekitar.

"Terowong siap Oktober lalu. Saya lihat ada lopak yang mula terbentuk disebabkan jalan rosak. Penduduk ada memaklumkan ada lori yang melanggar tiang. Mereka memang risau dengan kemalangan," katanya.

Abdul Halim berkata, beliau sudah membangkitkan isu itu dalam Sidang Dewan Negeri Selangor dan menulis surat kepada exco kerajaan negeri serta berhubung dengan MPS.

"Selain itu, saya juga membuat aduan kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Mereka maklum isu ini cuma mahu pembinaan laluan alternatif disegerakan," katanya.

Tourism Malaysia pergiat promosi pelancongan di ASEAN

Sepang: Tourism Malaysia akan mempergiat usaha promosi pelancongan di rantau ini dengan memberikan tumpuan kepada pelancongan perniagaan dan pelancongan sempadan.

Timbalan Ketua Pengarah (Promosi II) Tourism Malaysia, Lee Thai Hung, berkata langkah itu bagi memastikan Malaysia menjadi antara destinasi pelancongan utama 10 negara ASEAN, selari dengan komitmen memperkukuh industri pelancongan serantau.

Beliau berkata, pihaknya akan melaksanakan lebih banyak misi jualan secara strategik di sempadan Malaysia dengan Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei.

"Inisiatif ini bertujuan menarik lebih ramai pelancong serantau dengan memperkenalkan pelbagai tawaran pelancongan yang kompetitif dan berdaya saing.

"Dalam setiap misi jualan, kami akan membawa pemain industri pelancongan secara lang-

sung kepada pelancong, termasuk wakil syarikat penerbangan, perhotelan, taman tema serta pengusaha inap desa.

"Ini membuka lebih banyak peluang kerjasama dan meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di ASEAN," katanya selepas menghadiri Majlis Keruan Sambutan Tahun Baharu Cina di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 dan 2, di sini, kelmarin.

Lee berkata, beliau yakin sa-

saran ditetapkan dapat dicapai menerusi pelbagai inisiatif promosi yang akan dilaksanakan sepanjang tahun, selain kedatangan delegasi antarabangsa ke Malaysia sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

"Tahun ini, Malaysia menjadi tuan rumah kepada pelbagai mesyuarat dan acara peringkat serantau yang dijangka menarik lebih ramai pelawat perniagaan dan pelancong dari negara ASEAN.

"Kepengerusian ASEAN bu-

kan sahaja membuka peluang besar kepada sektor pelancongan Malaysia, malah mengukuhkan lagi peranan negara sebagai hab pelancongan utama di rantau ini," katanya.

Jumaat lalu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dilaporkan berkata, kementeriannya sedang mengkaji semula sasaran Tahun Melawat Malaysia 2025 (TMM2025) susulan kejayaan sektor pelancongan negara yang melebihi jangkaan awal.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh 31 JAN 2025

SPRM dapatkan maklum balas DBKL dakwaan salah laku projek RM4 juta

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapatkan maklum balas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini berhubung dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihatnya berkaitan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, siasatan dalaman berhubung perkara itu sedang dilakukan DBKL.

"Kita tunggu dan lihat apa hasil siasatan yang dijalankan.

"(Jumaat) pegawai saya akan hubungi Unit Integriti DBKL. Jika wujud elemen jenayah iaitu salah guna kuasa dan rasuah kita akan jalankan siasatan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambah Ahmad Khusairi, buat masa ini SPRM memberi masa pada DBKL untuk menjalankan siasatan dalaman.

Selasa lalu, media melaporkan Ketua Pesuruhjaya SPRM,

Tan Sri Azam Baki berkata, SPRM bersedia menyiasat sekiranya dapatan siasatan dalaman DBKL menunjukkan ada unsur-unsur rasuah dan salah guna kuasa.

Sebelum itu, media melaporkan DBKL melakukan siasatan dalaman berhubung dakwaan terbabit.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd. Sharif dilaporkan berkata, pihaknya sedang bekerjasama rapat dengan unit integriti DBKL berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif bernilai RM4 juta, yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Dimaklumkan, DBKL juga masih mengumpul maklumat dan bukti berhubung perkara itu sebelum memutuskan tindakan seterusnya termasuk membuat laporan kepada SPRM.

Dakwaan salah laku membatikan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial sejak Selasa lalu.

UTUSAN MALAYSIA
31 JAN 2025
Tarikh:

Kecanggihan teknologi AI, rantai blok bantu banteras jenayah rasuah

Oleh **NURAINA HANIS**
ABD. HALIM
hanis.halim@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Teknologi kecerdasan buatan (AI) dan rantai blok dilihat penting bagi membantu membanteras jenayah rasuah yang semakin kompleks.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, kemajuan teknologi itu boleh dimanfaatkan dengan penggunaan AI daripada aspek analitik data serta teknologi rantai blok.

Sebagai contoh, katanya, penggunaan teknologi rantai blok dan AI membolehkan pengesanan corak penipuan dan ketidakaturan kewangan selain penggunaan sistem e-pentadbiran yang boleh mengurangkan rasuah.

"Pegawai SPRM turut dilengkapi dengan pelbagai peralatan forensik terkini yang canggih dan diberikan latihan khususnya Bahagian Forensik Teknologi



AZAM Baki menyampaikan ucapan Persidangan Antarabangsa ke-3 dalam Teknologi, Kemanusiaan dan Pengurusan (ICTHM) 2025 di Kolej Antarabangsa Zikura, Maldives, semalam.

(BFT) dan Bahagian Analisa Kewangan (BAK).

"Atas faktor ini, SPRM turut

mengintegrasikan teknologi ini di dalam operasi dan siasatan untuk terus berada terkehadapan

pan dalam menghadapi taktik jenayah rasuah yang berkembang ini agar usaha memerangi rasuah kekal berkesan," katanya pada Persidangan Antarabangsa Ke-3 Dalam Teknologi, Kemanusiaan dan Pengurusan (ICTHM) 2025, di Kolej Antarabangsa Zikura, Maldives, semalam.

Azam berkata, BFT dan BAK SPRM diletakkan berada di barisan hadapan inisiatif ini dengan kelengkapan dan kepakaran terkini untuk menjalankan forensik digital dan siasatan kewangan.

Katanya, atas usaha tersebut, Makmal Forensik SPRM baru-baru ini menerima akreditasi ISO/IEC 17025:2017, yang mengesahkan pengiktirafan global terhadap kerja analisis forensik dalam bidang teknologi.

"Revolusi perkembangan teknologi dari semasa ke semasa turut membawa kepada cabaran baharu dalam menangani jenayah rasuah yang semakin kompleks seperti jenayah siber, penipuan mata wang kripto dan penyalahgunaan AI.

"AI menjadikan kegiatan jenayah ini semakin canggih, sukar di jejak serta sering bersifat transnasional," katanya.

Beliau berkata, SPRM turut menyokong penggunaan platform digital dan tanpa tunai membabitkan sistem perolehan awam yang dilihat mampu menutup ruang berlakunya rasuah.

Katanya, sistem seumpama itu akan memastikan subsidi, kebajikan dan gaji dipindahkan terus kepada golongan sasaran tanpa perantara sekali gus mengurangkan kebarangkalian berlakunya rasuah.

"SPRM komited untuk terus memantau sektor-sektor utama seperti penguatkuasaan undang-undang, perolehan awam dan rasuah peringkat tinggi sebagai satu agenda utama memerangi rasuah serta ketirisan.

"Komitmen ini sejajar dengan Strategi Pembantaran Rasuah Nasional (NACS) Malaysia yang bertujuan untuk mengukuhkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti di pelbagai sektor," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
31 JAN 2025

Tarikh: